

**UNTUK SIARAN
SEGERA**

19 DISEMBER 2021



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI KEWANGAN, MALAYSIA**

**PERUNTUKAN RM200 JUTA BAGI USAHA MENANGANI IMPAK BANJIR &
PENGAKTIFAN RANGKAIAN BENCANA GLC/GLIC**

Sehubungan dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob hari ini, di antara **peruntukan dan langkah-langkah sedia ada dan segera yang telah diambil oleh Kerajaan** bagi menangani impak bencana banjir termasuk:

1. **Penyegeraan penyaluran RM50 juta kepada NADMA/Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN)** bagi memastikan kelangsungan bantuan kepada isi rumah yang terjejas akibat bencana banjir.
2. **Peningkatan kadar Bantuan Wang Ihsan kepada RM1,000 (dari RM500)** bagi setiap isi rumah yang terjejas akibat banjir disebabkan Monsun Timur Laut atau terkesan daripada apa-apa bencana lain yang diisytiharkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat.
3. **Peruntukan awal RM100 juta bagi persediaan usaha pemulihan pasca-banjir.** Kerajaan Persekutuan akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam usaha membaiki rumah-rumah dan infrastruktur awam yang rosak akibat banjir.

4. Perbincangan Kementerian Kewangan (MOF) dengan **Bank Negara Malaysia (BNM)**, **Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM)**; **Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM)**; dan **Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan (ADFIM)** menunjukkan kesediaan **sektor perbankan untuk menawarkan program bantuan pembayaran bagi peminjam-peminjam yang terkesan akibat banjir ini.** Butiran lanjut akan dikongsi oleh ABM, AIBIM, ADFIM dan bank-bank yang terlibat dalam masa terdekat.

Selain itu, sebagai usaha permulaan, **jumlah keseluruhan sebanyak RM50 juta akan disediakan oleh Kerajaan dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).** Jumlah ini merangkumi geran padanan berjumlah RM25 juta dari Kerajaan, manakala GLIC/GLC akan bersama-sama memperuntukkan RM25 juta.

Jumlah RM50 juta ini akan diaktifkan melalui **GLC/GLIC Disaster Recovery Network (GDRN)**¹ bagi membantu mangsa bencana banjir. Sehubungan itu, **semenjak 17 Disember 2021, GDRN** telah mula memantau keadaan banjir seluruh negara.

GLIC/GLC yang merupakan sebahagian dari GDRN **telah mula turun padang untuk menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.** Ini termasuk:

1. **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** yang telahpun menyediakan pusat pembelajaran KWSP yang mempunyai 152 bilik sebagai pusat penempatan sementara bagi mangsa banjir.
2. **Telekom Malaysia (TM)** yang telah mengaktifkan pusat arahan krisis mereka diseluruh negara dan Pasukan PAKAR semboyan TM kini bersedia untuk memberikan bantuan komunikasi dan perkhidmatan kecemasan yang melibatkan talian internet dan telefon seluruh negara. Selain itu, TM turut

¹ GDRN telah ditubuhkan pada tahun 2013 dan dipengerusi bersama dan diurusetikan oleh Yayasan Hasanah (Khazanah Nasional Berhad) dan Yayasan TM.

menyediakan bantuan kepada kakitangan dan komuniti setempat yang terkesan akibat banjir

3. **Pharmaniaga dan MASKargo** yang sedang giat menghantar bantuan ke pusat-pusat penempatan semula bagi mangsa-mangsa banjir.
4. **Yayasan Sime Darby** yang sedang menghulur bantuan kepada pekerja-pekerja dan komuniti yang tinggal di perladangan di bawah Sime Darby Plantations.
5. **Pharmaniaga, Malaysia Aviation Group dan GLC-GLC** yang juga sedang membantu pekerja-pekerja mereka dan komuniti setempat yang terjejas.

Warga MOF amat berdukacita dengan bencana banjir yang sedang melanda beberapa negeri dan bersimpati dengan nasib rakyat yang terkesan. Kerajaan akan terus memantau keadaan dan MOF khususnya akan sentiasa bersedia untuk menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi membantu mangsa banjir secepat mungkin.

YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
19 Disember 2021